

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA
(KADAR LEVI BAGI PEMBELIAN ATAU PENJUALAN SEKURITI DAN DERIVATIF) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) dan 24(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kadar Levi bagi Pembelian atau Penjualan Sekuriti dan Derivatif) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Kadar levi bagi pembelian atau penjualan sekuriti

2. Kadar levi yang hendaklah dibayar oleh pembeli atau penjual berkenaan dengan pembelian atau penjualan sekuriti yang direkodkan di bursa saham atau sekuriti yang diberitahukan kepada bursa saham mengikut kaedah-kaedahnya ialah 0.015 peratus daripada harga belian pembelian atau penjualan sekuriti tersebut, dengan syarat bahawa, amaun levi yang diperoleh daripada fi penjelasan itu hendaklah dihadkan kepada wang sejumlah RM93.75 bagi setiap kontrak.

Kadar levi bagi pembelian atau penjualan derivatif

3. Kadar levi yang hendaklah dibayar oleh pembeli atau penjual berkenaan dengan pembelian atau penjualan derivatif yang dilakukan di bursa derivatif mengikut kaedah-kaedahnya ialah—

(a) 37.5 peratus daripada fi penjelasan sebagaimana yang ditentukan oleh bursa derivatif; dan

(b) 37.5 peratus daripada fi dagangan sebagaimana yang ditentukan oleh bursa derivatif.

Pembatalan

4. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1995 [P.U. (A) 281/1995] dibatalkan.

Dibuat 31 Disember 2025

[MOF.SID(S)700-1/2/36 JLD.2; SC.D35.100-1/3/2; PN(PU2)523/IV]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan